



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 14 (02 APRIL – 08 APRIL 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-14 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,239 kes berbanding 2,365 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 126 kes (5.4%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-14 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 30,926 kes berbanding 9,957 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 20,969 (210.6%). Manakala sebanyak 20 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding empat (4) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 93 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini dengan 51 lokaliti di Negeri Selangor, 22 lokaliti di Pulau Pinang, lapan (8) lokaliti di Sabah, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya, masing-masing dua (2) lokaliti di Kedah serta Perak dan masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan serta WP Labuan .


Survelan chikungunya merekodkan sebanyak lima (5) kes pada minggu ke-14 dengan tiga (3) kes dari Negeri Sembilan dan dua (2) kes dari Selangor. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 114 kes. Bagi survelan zika,

sebanyak 723 sampel darah dan empat (4) sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Jabatan Meteorologi Malaysia menjangkakan negara kita akan mengalami fasa peralihan monsun bermula akhir Mac 2023 dan akan berterusan sehingga pertengahan Mei 2023 di mana ribut petir dengan hujan lebat dan angin kencang dijangka berlaku. Semasa fasa peralihan monsun, pelbagai jenis bekas yang terdiri dari bahan buangan, sampah bekas makanan/ minuman dan barang lusuh berpotensi menakung air. Keadaan ini merupakan persekitaran yang kondusif bagi nyamuk *Aedes* membiak di persekitaran kita. Ini kerana nyamuk *Aedes* hanya memerlukan air dalam jumlah yang sedikit untuk bertelur dan melengkapkan kitaran hidup.

Oleh itu, semua lapisan masyarakat perlu bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran. Lakukan aktiviti gotong-royong bagi memastikan kawasan persekitaran bebas dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Lupuskan sampah, bahan buangan dan barang lusuh di tempat yang telah ditentukan. Pastikan juga bekas minuman haiwan peliharaan dan mainan yang berada di luar rumah tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Persekitaran bersih, *Aedes* tersisih. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
12 April 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-13 dan ke-14 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-14 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-13 tahun 2023